



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT TAHUN 2025
BERSAMA WARGA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN PERDANA NUR, KPWKM
22 Januari 2025 (RABU)
11.30 PAGI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, saya memanjatkan syukur kepada Allah S.W.T atas nikmat dan kurniaan-Nya, kerana pada hari ini kita dapat berkumpul sempena **Majlis Amanat Tahun 2025** bersama seluruh warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat tahun baharu 2025 kepada semua warga KPWKM. Semoga tahun ini menjadi satu permulaan baharu yang memberi peluang kepada kita untuk memperbaharui tekad, memperkukuhkan semangat, dan menetapkan hala tuju yang lebih jelas dalam mendepani cabaran yang bakal mendatang.

3. Dalam masa yang sama, saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada seluruh warga KPWKM atas dedikasi, komitmen, dan kerja keras anda sepanjang tahun 2024. Segala kejayaan yang kita capai tidak mungkin terlaksana tanpa kerjasama erat di setiap peringkat organisasi.

4. Sebagai sebuah Kementerian barisan hadapan, kita sentiasa berhadapan dengan pelbagai karenah dan ragam masyarakat. Oleh itu, menjadi harapan saya agar seluruh warga KPWKM terus mempamerkan budaya kerja terbaik, memberikan perkhidmatan cemerlang, dan kekal relevan sebagai tempat rujukan dalam usaha membantu kumpulan sasaran kita.

IMBASAN 2024

Saudari dan Saudara Warga KPWKM Sekalian,

5. Tahun 2024 telah menjadi saksi kepada usaha gigih kita dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Segala matlamat dan sasaran yang ditetapkan pada awal tahun lalu telah kita laksanakan dengan jayanya, menghasilkan pencapaian yang amat membanggakan.

6. Kejayaan kita tidak hanya terbatas kepada peningkatan kualiti perkhidmatan di peringkat domestik, malah usaha kita juga mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Izinkan saya untuk mengimbas kembali beberapa prestasi dan pencapaian penting sepanjang tahun 2024 yang wajar kita banggakan, antaranya:

Usaha Menjamin Kesejahteraan Kanak-Kanak melalui:

- Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak dilaksanakan di 337 sekolah **(112%**

berbanding sasaran asal 300 buah sekolah) yang memanfaatkan 128,148 kanak-kanak dengan kos RM2.17 juta.

- **Pelancaran Dasar Kanak-kanak Negara** pada 20 November 2024 oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail.
- **Pembangunan Sistem Perkhidmatan Kanak-Kanak (ANAK)** mencapai 100% pembangunan Modul Daftar

Kanak-Kanak dan Modul Semakan Pesalah Terhadap Kanak-Kanak.

Mendayaupaya Orang Kurang Upaya (OKU) melalui:

- Pendigitalan Kad OKU: 748,746 OKU berdaftar dengan Kad OKU Digital.
- Pemulihan Dalam Komuniti (PDK): 573 PDK ditubuhkan, melibatkan 19,909 pelatih.
- Pembangunan Modul Kursus Asuhan Kanak-Kanak OKU, dengan 289,161 OKU Pembelajaran berdaftar.

Memperkokuh Institusi Keluarga Berteraskan Konsep KASIH MADANI melalui:

- Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2024 yang melibatkan 7,673 peserta.
- Seminar Pra Perkahwinan SMARTSTART 2.0 secara hibrid pada 16 November 2024 (dalam talian) dan 23 November 2024 (fizikal) disertai oleh lebih 200 orang.

- Program Mahligai Cinta Perdana yang melibatkan 34 pasangan dan 1,000 ahli keluarga di Pusat Konvensyen MPAJ Taman Melawati, Kuala Lumpur.
- Pelaksanaan Kem KASIH Keluarga di Pantai Pugu, Lundu Sarawak yang melibatkan 210 khemah dan 2,000 ahli keluarga

Pemeriksaan Wanita melalui:

- Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS): 25 tokoh wanita dipilih daripada 2,594 permohonan.
- Program Sambutan EVAW: 117 program dengan 12,541 peserta, termasuk Larian Oren dengan 3,800 peserta.
- Program Wanita Dinamik memberi manfaat kepada 2,110 wanita.

Melestarikan Industri Penjagaan melalui:

- 12 siri Kursus Peningkatan Kemahiran Penjaga melibatkan 385 penjaga.
- Khidmat Bantu Di Rumah menyantuni 8,696 klien dengan 2,174 sukarelawan.
- KPWKM menerima anugerah Care Economy Recognition Awards 2024 di ASEAN Women Leaders' Summit, Laos.

Merakytakan Perkhidmatan KPWKM melalui:

- Dasar Sosial Negara (DSN) 2030 diluncurkan untuk mencapai matlamat Malaysia MADANI, termasuk peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga buruh ke 60%.
- Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) telah menyantuni 30,926 orang.
- Integrasi eBantuanJKM dan iSPEKS menyelesaikan pengurusan bantuan tanpa intervensi manual.

Pencapaian Antarabangsa KPWKM melalui:

- Pembentangan Laporan CEDAW Keenam Malaysia di Geneva pada 22 Mei 2024.
- Persidangan Antarabangsa Kesejahteraan Mental dan Pemerkasaan Wanita pada 10 Oktober 2024 bersama Dr. Rania Awaad yang telah di dihadiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofia.

WAY FORWARD: PELAKSANAAN INISIATIF BELANJAWAN 2025

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian,

7. KPWKM telah diberi peruntukkan berjumlah RM3.64 bilion (RM3,641,264,400) di bawah Belanjawan Tahun 2025. Peningkatan peruntukan ini adalah cerminan usaha berterusan Kerajaan untuk memastikan kesejahteraan kumpulan sasar kami selaras dengan tujuan utama ekonomi MADANI iaitu memperkasakan rakyat.

8. Oleh itu, lima fokus utama KPWK M untuk tahun 2025 dalam melaksanakan tugas demi mencapai Visi dan Misi Kementerian ialah:

i. Pemerkasaan Institusi Keluarga

a. **Sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2025 untuk memperkukuh institusi kekeluargaan.**

b. Pemeraksanaan institusi kekeluargaan merangkumi usaha untuk memperkukuhkan kedudukan keluarga sebagai unit sosial yang stabil dan mampan, yang menjadi asas kepada perkembangan masyarakat dan negara.

c. Kerajaan memberi perhatian kepada usaha untuk membina daya ketahanan keluarga dalam menghadapi cabaran sosial dan ekonomi serta

menyokong kesejahteraan dan potensi setiap ahli keluarga.

d. Pelbagai program yang akan dilaksanakan pada tahun 2025 termasuk program pembinaan asas keluarga negara dan program pengukuhan nilai remaja.

ii. Pembelaan dan Peningkatan Profesionalisme Wanita

a. Belanjawan 2025 bertujuan untuk memperkasa wanita, memberikan mereka peluang yang lebih baik,

dan memastikan mereka boleh menyumbang sepenuhnya dalam pembangunan negara.

- b. Untuk tahun 2025 juga, pelbagai program telah diatur sama ada berbentuk advokasi, pemerkasaan komuniti, sokongan sosial, penjana pendapatan serta pewujudan persekitaran kondusif bagi menyokong sasaran Kerajaan.

c. Antara program yang akan terus dilaksanakan adalah Program PERANTIS, Mamacare, WeCaRe, Wanita Dinamik, Dasar Wanita Negara & Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, Advokasi Antigangguan Seksual, Advokasi Keganasan Rumah Tangga, dan pelbagai program lain demi memperkasa wanita dan mengarus perdana gender.

iii. Pemantapan dan Kesejahteraan Komuniti

- a. KPWKM akan terus memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kesejahteraan sosial negara.

- b. Sebanyak RM2.9 bilion diperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk bantuan tunai kepada keluarga miskin tegar, OKU dan warga emas

c. Penekanan akan diberikan kepada sokongan bagi golongan terpinggir, pembaikan infrastruktur sosial serta pengukuhan jaringan bantuan masyarakat.

iv. Pembangunan Keupayaan dan Potensi Masyarakat

a. Sebanyak RM1.3 bilion diperuntukkan untuk memastikan kesejahteraan hidup OKU.

b. Peruntukan sebanyak RM2juta disediakan untuk program peerkaaan dan transformasi minda

penerima bantuan JKM serta ahli isi rumah penerima bantuan.

c. Usaha ini bertujuan menyediakan peluang yang adil kepada semua lapisan masyarakat untuk meningkatkan kualiti hidup.

v. Pembangunan Sektor Penjagaan;

- a. Pada tahun ini, pembangunan sektor penjagaan akan diperkukuh melalui pelbagai inisiatif
- b. Subsidi Kos Penjagaan Kanak-Kanak: Untuk mengurangkan beban kos penjagaan, subsidi yuran pengasuhan bagi pendapatan RM5,000 ke bawah di Taska Komuniti.

- c. Peruntukan sebanyak RM20 juta juga telah diberikan untuk geran pengoperasian institusi warga emas, kanak-kanak dan OKU oleh NGO.
- d. Sebanyak RM5 juta diperuntukkan bagi pembangunan Pusat Perkhidmatan Autisme.

AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM BAGI MENINGKATKAN MUTU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERKESAN

Puan-puan dan tuan-tuan yang dikasihi sekalian,

9. Baru-baru ini, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah

memperkenalkan kerangka Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) yang merangkumi lima (5) Teras Keberhasilan Reformasi iaitu Penghayatan Nilai dan Tatakelola, Pembangunan Modal Insan, Pembangunan Organisasi, Penyampaian Perkhidmatan dan Sinergi Awam - Swasta.

10. ARPA diperkuat dengan 20 Strategi Keberhasilan yang menggunakan dua pendekatan:

Strategi Associated: Kerjasama seluruh negara (*whole-of-nation*), melibatkan sektor awam dan swasta.

Strategi Integrated: Penyelarasan seluruh Kerajaan (*whole-of-government*), mengintegrasikan kementerian, jabatan, dan agensi.

11. Justeru, saya menyeru semua warga KPWKM untuk menerapkan pendekatan ini dalam setiap perancangan dan pelaksanaan kerja demi menyokong kejayaan ARPA.
12. Pada Majlis Amanat 3 Januari 2025, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, menekankan kepentingan reformasi perkhidmatan awam secara menyeluruh bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat.

13. Beliau juga telah memaklumkan bahawa sesi retreat Jemaah Menteri akan diadakan dalam masa terdekat bertujuan untuk berbincang dan mengenal pasti ruang yang harus diperbaiki serta kelemahan-kelemahan yang harus diperbetulkan dalam sistem.

14. Sesi-sesi ini akan diteruskan kepada Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah, dan saya percaya perbincangan perlu sampai ke peringkat akar umbi bagi memastikan kesannya dirasai semua lapisan.
15. Saya menyeru Datuk KSU dan semua Ketua Jabatan untuk turun ke lapangan, mendekati pegawai dan kakitangan di semua peringkat. Luangkan masa untuk benar-benar memahami cabaran dan keperluan mereka. Dengarlah

dengan telinga dan hati yang terbuka, kerana mereka adalah tulang belakang kita. Mereka yang berada di barisan hadapan sering memikul beban yang besar dan berhadapan dengan pelbagai situasi yang mencabar.

16. Kita mesti memastikan kakitangan kita merasa dihargai, didengar, dan diberikan sokongan yang sewajarnya. Jangan hanya mendengar daripada mereka di peringkat atas, tetapi libatkan semua lapisan, termasuk mereka yang mungkin mengkritik.

17. Kritikan itu boleh menjadi panduan untuk penambahbaikan. Yang lebih utama, pastikan mereka gembira dan bersemangat menjalankan tugas, bukan terbeban atau tertekan. Ingatlah, kebajikan mereka adalah tanggungjawab kita bersama, kerana mereka bukan sahaja kakitangan tetapi juga rakyat yang kita perlu jaga dan lindungi.

PENUTUP

18. Melangkah ke hadapan, suka juga untuk saya ingatkan bahawa kita bukan sekadar bekerja untuk mendapatkan gaji dan memenuhi tuntutan kerja, tetapi kita dipertanggungjawabkan untuk membantu kumpulan sasaran dalam menyelesaikan masalah mereka dan untuk mencorak masa depan negara yang lebih cerah. Oleh itu, kita mesti menjalankan tanggungjawab kita dengan penuh dedikasi, integriti, telus dan berhemah.

19. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua warga KPWKM yang berbangsa Tiong Hua.
20. Gong Xi Fa Cai! Semoga tahun ini dipenuhi dengan kebahagiaan, kesihatan, dan kemakmuran untuk kita semua.

21. Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:

***Embun pagi di Tasik Chini,
Permata alam di bumi ini,
Wanita dinamik, keluarga harmoni,
Bersama menuju Malaysia MADANI.***

Sekian. Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
22 Januari 2025